



MEMO
ZON 1 PULAU PINANG
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG

Ruj. Kami : JBPM/PP/ZJP : 100-6/1/3/2/2 (40)

Tarikh: 19 Disember 2024

PERKARA	MESYUARAT PENGURUSAN ZON 1 PULAU PINANG BIL. 4/2024
KEPADA	SEMUA PEGAWAI-PEGAWAI ZON 1 PULAU PINANG
DARIPADA	KETUA ZON 1 PULAU PINANG

Tuan,

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas dan memaklumkan bahawa **Mesyuarat Pengurusan Zon 1 Pulau Pinang Bil. 4/2024** akan diadakan seperti ketetapan berikut :

Tarikh : 24.12.2024 (Selasa)
Masa : 8.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Zon 1 Pulau Pinang

2. Agenda Mesyuarat adalah seperti berikut :

- 2.1. Ucapan Pengerusi
- 2.2. Mengesahkan Minit Mesyuarat Pengurusan Zon 1 PP Bil. 3/2024
- 2.3. Perkara Berbangkit
- 2.4. Hal-Hal Lain

3. Sehubungan itu, kehadiran tuan-tuan di dalam mesyuarat ini adalah **diwajibkan**. Kerjasama dari pihak tuan semua amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PgKB I Ts. JAMIL BIN ABDULLAH @ OTHMAN)
KETUA ZON 1 PULAU PINANG

MINIT MESYUARAT PENGURUSAN ZON 1 PULAU PINANG BIL. 3/2024 JBPM NEGERI PULAU PINANG

Tarikh : 23 September 2024 (Selasa)
Masa : 8.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat
Zon 1 Pulau Pinang

KEHADIRAN :

- | | | | |
|-----|---|---|-----------------------|
| 1. | PgKB I Ts. Jamil Bin Abdullah @ Othman | - | Ketua Zon – Pengerusi |
| 2. | PgKB II Muhamad Shahrizal Bin Aris | - | Ketua Bahagian BKK |
| 3. | PgB Ts. Muhammad Syafiq Bin Noor Azman | - | Ketua Bahagian BPK |
| 4. | PKPgB Mohd Affendi Bin Ishak | - | BKK |
| 5. | PPgB Rosli Bin Ibrahim | - | BKK |
| 6. | PPgB Mohamad Helmi Bin Ismail | - | BKK |
| 7. | PPgB Muzamer Bin Mohd Salleh | - | BKK |
| 8. | PPgB Andy Pengiran Paris | - | BKK |
| 9. | PPgB Daniel Fitri bin Bernadine @ Adine | - | BPK |
| 10. | PBK II Azman bin Ibrahim | - | BKK |
| 11. | Pn Tervinder Kaur | - | Urusetia |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF :

- | | | | |
|----|---|---|---------------|
| 1. | TPgB II Hadzi bin Mohamed Yusuf | - | BPK (Ceramah) |
| 2. | PPgB Daniel Fitri bin Bernadine @ Adine | - | BPK (Ceramah) |

1. PERUTUSAN Pengerusi

1.1.	Tuan Pengerusi mengucapkan Salam Malaysia MADANI dan selamat pagi kepada semua pegawai. Ucapan terima kasih kepada semua pegawai yang menghadiri Mesyuarat Pengurusan Zon 1 Bil. 3/2024.	Makluman
1.2.	Tuan Pengerusi mengucapkan selamat datang kepada Tuan Shahrizal Bin Aris, Penguasa Kanan Bomba II, selaku Ketua BKK Zon 1 PP. Tuan Pengerusi mengharapkan agar semua pegawai zon akan terus bekerjasama dan memberikan komitmen sepenuhnya kepada Tuan Shah, terutamanya pegawai BKK.	Makluman
1.3.	Pelaksanaan Audit MS ISO/SSR/ABMS bagi tahun 2024 telah dilaksanakan di Zon 1 PP pada 06.08.2024. Tiada sebarang isu/ketidakpatuhan yang diutarakan oleh pihak auditor. Tuan Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai zon atas kerjasama yang telah diberikan untuk sesi audit tersebut.	Makluman
1.4.	Tuan Pengerusi memaklumkan satu Program Kampung Angkat Madani JPA Bersama JBPM Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 akan dilaksanakan di Pulau Aman pada 19.10.2024. Zon 1 telah dilantik sebagai AJK Kebersihan dan Keselamatan. Senarai AJK yang dilantik akan dikeluarkan dan Tuan Pengerusi mengharapkan agar semua pegawai zon akan memberikan komitmen sepenuhnya untuk menjayakan program jabatan tersebut.	Makluman
1.5.	Dimaklumkan kaunter Zon 1 Pulau Pinang dalam proses pengubahsuaian. Selepas selepas pengubahsuaian, semua urusan dengan pelanggan akan dijalankan di kaunter baru di ruang lobi zon.	Makluman

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat Pengurusan Zon 1 PP Bil. 2/2024 dicadang dan disokong tanpa pindaan.

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1.	PENGURUSAN ZON
3.1.1.	Tuan Pengerusi mengingatkan kepada semua pegawai untuk sentiasa menggunakan 'QR Code' - Rekod Pergerakan Pegawai Zon. Makluman
3.1.2.	Semua pegawai zon diminta untuk memaklumkan segala pergerakan kepada Tuan Pengerusi dan juga kepada Tuan Shah. Sebarang masalah, boleh dibawa berbincang bersama. Makluman

3.2.	PENCAPAIAN RKT ZON 1 PULAU PINANG BAGI TAHUN 2024 (JANUARI HINGGA APRIL)
	3.2.1. Pencapaian RKT Zon 1 Pulau Pinang bagi tahun 2024, bagi tempoh bulan Januari hingga April telah dibincangkan. Tuan Pengerusi meminta semua PIC untuk mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan semua sasaran yang ditetapkan, dapat dicapai sebelum bulan November 2024. Tindakan : Semua Pegawai Zon
3.3.	PENETAPAN RKT ZON 1 PULAU PINANG BAGI TAHUN 2025
	3.3.1 Penetapan RKT Zon 1 Pulau Pinang bagi tahun 2025 telah dibincangkan bersama. Penetapan tersebut telah dibuat dan akan dibentangkan di dalam Bengkel RKT Jabatan oleh Tuan Pengerusi. Makluman
3.4.	KIK ZON 1 PP
	3.4.1. Tuan Ts. Syafiq memaklumkan Zon 1 PP tidak dapat menyertai KIK bagi tahun 2024 kerana beban tugas serta komitmen kerja yang lain. Beliau memaklumkan akan cuba menyertai KIK bagi tahun 2025. Makluman

4. HAL-HAL LAIN

4.1.	Tuan Muzamer mencadangkan untuk mengadakan Latihan Pemakaian BA bersama dengan Intel. Dimaklumkan pihak Intel akan menyerahkan sebanyak 50 unit BA kepada zon. Tuan Muzamer mencadangkan untuk menjalankan Latihan Pemakaian BA bersama balai-balai. Tarikh latihan akan dimaklumkan, setelah menerima BA dari pihak Intel. Tindakan : Tuan Muzamer
------	---

5. PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua pegawai di dalam mesyuarat ini dan menangguhkan mesyuarat pada jam 10.00 pagi. Tarikh dan masa mesyuarat akan datang akan dimaklumkan kemudian.

Minit Mesyuarat Disediakan oleh :

Urusetia

Mesyuarat Pengurusan Zon 1

JBPM Negeri Pulau Pinang

Tarikh : 17.05.2024